

01 APR 2000

Sukan-GP M'sia

PELUMBA HARUNGI KEPANASAN SEMENTARA KENNY ROBERTS JR MENDAHULUI

SEPANG, 1 April (Bernama) -- Pelumba mengharungi cuaca panas di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) ketika Grand Prix Motosikal Dunia Malaysia di sini memasuki hari kedua hari ini.

Acara hari ini berjalan mengikut jadual dalam cuaca panas dengan suhu mencapai 40-45 darjah selsius dan pasukan-pasukan berusaha untuk menentukan kombinasi tayar sesuai dengan keadaan cuaca panas dan cengkaman.

Ujian kelayakan masa berjalan lancar dengan semua pelumba menunjukkan persembahan cemerlang untuk mencatatkan masa terbaik yang akan menentukan kedudukan bagi perlumbaan esok.

Kenny Roberts Jr yang mewakili Telefonica Movistar Suzuki mempamerkan masa terpantas dalam ujian kelayakan masa hari ini dengan 2 minit 6.208s mengatasi rekod 2 minit 7.213s yang dicatatkan oleh Michael Doohan pada 1999.

"Semuanya berjaan dengan baik. Saya berpendapat pencapaian ini dapat diulangi pada perlumbaan esok," kata beliau.

Loris Capirossi dari Emerson Honda Pons yang mencatatkan masa terpantas dalam sesi kelayakan semalam gagal mengulangi persembahan terbaik apabila menduduki tangga kedua dengan 2 minit 6.647s. Masa terbaiknya semalam ialah 2 minit 6.412s.

Max Biaggi yang mewakili Pasukan Marlboro Yamaha mencatatkan masa terbaik hari ini dengan 2 minit 6.788s untuk tangga. Masa terbaiknya semalam ialah 2 minit 6.947s.

Pelumba Iyali yang menunggang Yamaha itu terpaksa melawan tiupan angin bagi memperbaiki persembahan dan yakin dapat menunjukkan pencapaian yang baik pada perlumbaan esok.

Juara dunia, Alex Criville dari Repsol YPF Honda Team menduduki tempat ketujuh dalam sesi kelayakan akhir dengan masa 2 minit 5.517s.

Dalam kategori 250cc, pelumba Jepun Tohtu Ukawa yang menunggang Honda mendahului selepas menamatkan sesi kelayakan akhir dengan masa terpantas 2 minit 8.225s.

Beliau memintas pelumba Jepun Daijiro Katoh yang beraksi cemerlang pada sesi sebelah pagi tetapi turun ke tempat kedua selepas menamatkan perlumbaan dengan 2 minit 8.373s.

Malaysian Petronas Sprinta Team TVK yang diwakili oleh Shahrol Yuzy dan Matsudo Naoko juga beraksi dengan baik berbanding persembahan semalam.

Naoki mencatatkan masa 2 minit 10.745s harinini berbanding 2 minit 11.576s semalam. Tetapi itu tidak membantunya untuk menduduki tangga teratas. Beliau cuma menduduki tempat ke-11.

Shahrol mengekalkan tempat ke-18 tetapi masanya lebih pantas -- 2 minit 11.622s. Semalam, beliau mencatatkan 2 minit 12.908s.

Acara 125cc merupakan pertarungan antara Honda dan Aprilia dan persaingan itu dijangka berterusan esok.

Noboru Ueda yang mewakili Givi Honda LCR mencuri perhatian hari ini apabila mencatatkan masa terpantas 2 minit 15.886s untuk membolehkannya mendahului pelumba lain.

Pelumba favourite Arnaud Vincent (CC Valencia Airtel Aspar) yang menunggang Aprilia menduduki tempat kedua dengan 2 minit 16.025s diikuti oleh Alberto Locatelli (Diesel Vasco Rossi Racing) dengan 2 minit 16.713s.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan para pelumba pada pusingan akhir esok.

-- BERNAMA

ASA FAZ